

27 MAY 2000

Mahathir-Teluk Kemang

KEMENANGAN DI TELUK KEMANG JADI MESEJ KEPADA PEMBANGKANG

KUALA LUMPUR, 27 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yakin Barisan Nasional (BN) akan memenangi pilihan raya kecil kawasan Teluk Kemang 10 Jun ini dengan majoriti yang lebih besar.

Katanya kemenangan sedemikian akan menghantar mesej kepada pembangkang bahawa pencapaian mereka pada pilihan raya umum 1999 bukanlah menjadi petunjuk bahawa parti lawan akan selalu mencapai kemenangan.

"Mereka berpendapat keputusan pilihan raya 1999 menunjukkan terdapat trend atau aliran ke arah memberi kemenangan kepada parti lawan.

"Sebenarnya keputusan 1999 itu disebabkan kejayaan PAS melemparkan fitnah dan memperalatkan DAP dan Parti Keadilan Nasional untuk kepentingannya.

"Jadi kalau kita dapat tunjukkan bahawa sekarang ini PAS tidak lagi punyai pengaruh untuk menguntungkan dirinya, saya yakin bahawa PAS tak akan dapat memajukan pencapaiannya daripada 1999," katanya kepada pemberita selepas merasmikan perhimpunan agung ke-54 MIC di Pusat Dagangan Dunia Putra di sini hari ini.

Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian anggota Parlimen berkenaan S.A.Anpalagan pada 28 April lepas.

Penamaan calon ditetapkan pada Selasa depan manakala pengundian pada 10 Jun.

BN telah menamakan S.Sothinathan, setiausaha politik Menteri Kerja Raya Datuk S.Samy Vellu, sebagai bakal calonnya yang dijangka menentang ketua penerangan Keadilan Ruslan Kasim.

Pada pilihan raya umum lepas, Anpalagan mengalahkan N.Gobalakrishnan dari DAP dengan majoriti 9,942 undi.

Ketika ditanya sama ada kemenangan di Teluk Kemang akan membuktikan kejayaan BN pada pilihan raya kecil Sanggang baru-baru ini bukan satu kebetulan, beliau berkata: "Sanggang bukannya kemenangan secara kebetulan. Ia tidak ada kena mengena langsung."

Dr Mahathir juga berkata ramai anggota Keadilan yang kebanyakannya terdiri daripada golongan muda sudah tawar hati dengan parti yang diketuai Datin Seri Dr Wan Azizah Ismail, isteri bekas timbalan perdana menteri Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Menurutnya mereka merasa kecewa kerana apa yang diperjuangkan ialah bukan suatu reformasi tetapi nasib seorang individu.

Beliau juga berkata BN tidak ada kena mengena dengan desakan yang dilaporkan dibuat melalui beberapa laman web pro-pembangkang supaya timbalan presiden Keadilan Dr Chandra Muzaffar dan setiausaha agung parti berkenaan Mohamed Anuar Tahir meletakkan jawatan.

"Kita tidak boleh menyerang mereka. Mereka begitu pandai menggunakan Internet, surat layang. Mereka lebih pandai berbanding orang lain di dunia ini.

"Mereka begitu bijak mereka-reka cerita...umpamanya kematian perdana menteri, kononnya PM jatuh kuda, keracunan dan macam-macam lagi," katanya.

-- BERNAMA

MAM RON